

Bil. 2

Selasa

17 Mei 2016



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN P.M (17):

- Iklan Perjudian Dalam Talian Melalui SMS – *YB. Tuan Er Teck Hwa (Bakri) – m.s. 1*
- Status Projek Penambahbaikan Taman Bukit Kiara – *YB. Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – m.s. 4*

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB
11. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO

12. Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
13. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
14. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
15. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRS
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] - UPKO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] - PRS
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
20. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
21. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
22. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
23. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
24. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
26. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
27. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB

29. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
31. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
32. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
33. “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
34. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
35. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
36. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [*Kosong*]
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan A/L Murugan [Tapah] - MIC
3. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] - UMNO
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Lee Chee Leong - *Senator*
8. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
9. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO

10. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [*Kosong*]
14. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
15. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
18. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
20. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
22. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
24. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – *Senator*

28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Chong Sin Woon – *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Masir Anak Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – PRS
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
33. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [lgan] - PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO

16. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
18. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
19. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO
20. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
21. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
22. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
23. “ Dato’ Hasan bin Arifin, D.S.A.P. [Rompin] – UMNO
24. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
25. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
26. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
27. “ Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
28. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
30. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
31. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
32. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
33. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
34. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
35. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
36. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
37. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] - UMNO
38. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
39. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
40. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO

41. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
42. " Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
43. " Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
44. " Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh] - UMNO
45. " Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. " Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
47. " Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
48. " Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
49. " Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
50. " Dato' Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
51. " Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
52. " Dato' Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
53. " Dato' Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] – UMNO
54. " Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
55. " Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
56. " Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
57. " Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
58. " Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
59. " Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
60. " Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
61. " Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
62. " Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
63. " Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
64. " Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO

65. Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
66. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
67. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
68. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
69. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
70. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
71. “ Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO
72. “ Kuala Kangsar [*Kosong*]
73. ” Sungai Besar [*Kosong*]

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato' Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
10. “ Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
11. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
12. “ Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
13. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
14. “ Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
15. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
16. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
17. “ Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
18. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]

19. Yang Berhormat Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
20. “ Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
21. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
22. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
23. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
24. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
25. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
26. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
27. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
28. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
29. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]

23. Yang Berhormat Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANAH)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]

3. Yang Berhormat Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

BEBAS

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

PARLIMEN MALAYSIA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Mohd Sazali bin Mohd Zin

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhillah binti Ibharm
Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Selasa, 17 Mei 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN
PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Iklan Perjudian Dalam Talian Melalui SMS

2.34 ptg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Teknologi di dunia kini berkembang setiap hari. Salah satunya adalah teknologi komunikasi. Masyarakat Malaysia saat ini juga menikmati perkembangan teknologi. Hampir setiap rakyat memiliki telefon selular tidak mengira umur hinggakan kanak-kanak di bangku sekolah rendah juga telah mempunyai telefon pintar. Kegunaan teknologi yang berupaya memulakan komunikasi berupaya menjadi alat atau instrumen yang membiakkan gejala sosial.

Hari ini iklan sindiket perjudian dalam talian yang menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) semakin berleluasa. Tidak mengira sesiapa, pastinya kita boleh menerima iklan sebegini. Jadi, bukanlah suatu aktiviti sihat kerana ia boleh mendatangkan kemudaratan apabila seseorang individu itu mengalami ketagihan judi. Tambah buruk apabila mereka mula meminjam wang untuk bermain judi.

Skim perjudian dalam talian ini juga tidak memerlukan individu untuk pergi ke mana-mana premis. Cukup sekadar mempunyai telefon pintar dan akaun bank, mereka sudah boleh bermain judi.

Jika perkhidmatan perjudian ini menggunakan premis untuk beroperasi secara haram, ia masih lagi boleh dipantau dan pihak berkuasa boleh menyerbu premis tersebut.

Akan tetapi, khidmat perjudian yang menggunakan telefon pintar ini boleh diakses oleh sesiapa sahaja menggunakan telefon pintar. Ada juga penyedia perkhidmatan iklan perjudian ini yang bukan sahaja menawarkan permainan judi, tetapi turut menyediakan perkhidmatan pinjaman wang dan perkhidmatan wanita yang dipanggil '*escort girl*' dengan izin. Tanpa pengawalan dan pemantauan, kita sebenarnya sudah mengheret bukan sahaja orang dewasa, tetapi golongan muda dan anak-anak kecil untuk terjebak dalam gejala judi dan seks bebas.

Kerajaan perlu melihat perkara ini dengan serius termasuklah meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. Apakah perancangan atau *roadmap* kerajaan khususnya SKMM dalam membendung penularan iklan SMS begini dan akses laman sesawang judi? Operator telekomunikasi juga perlu bekerjasama membantu membendung gejala ini. Sekian, terima kasih.

2.38 ptg.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Bakri, Tuan Er Teck Hwa atas ucapan di bawah usul berkenaan perkara tadbiran kerajaan yang melibatkan bidang kuasa kementerian saya iaitu berkaitan iklan perjudian dalam talian melalui SMS.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan judi dalam talian adalah tidak dibenarkan sama sekali di Malaysia dan tiada lesen ataupun permit yang pernah dikeluarkan di bawah mana-mana akta. Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam kebanyakan kes perjudian tanpa lesen atau haram, mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [*Akta 289*].

Oleh itu, kerjasama antara kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan PDRM dijalin dalam membanteras kegiatan judi dalam talian yang meliputi aspek-aspek kerjasama pemantauan, pengesanan dan perkongsian maklumat serta aspek forensik digital.

Daripada banyak laporan yang kita dapati, pihak polis pada yang sama giat menjalankan pemeriksaan dan serbuan untuk membanteras serta membendung kegiatan perjudian dalam talian daripada terus berleluasa. Walau bagaimanapun, salah satu langkah penyelesaian terakhir sekiranya tindakan penguatkuasaan tidak dapat diteruskan oleh agensi penguatkuasaan bagi mengekang penularan laman web judi dalam talian ini ialah dengan melaksanakan sekatan akses terhadap laman web yang menawarkan perkhidmatan berunsur perjudian tersebut.

■1440

Dari tahun 2012 sehingga bulan April 2016, sejumlah 664 laman web telah pun disekat aksesnya oleh pihak SKMM berdasarkan permohonan bertulis daripada pihak PDRM bagi kesalahan di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [*Akta 289*]. Bagi kegiatan promosi perjudian dalam talian melalui SMS dan aplikasi telefon pintar seperti *WhatsApp*, kementerian melalui SKMM telah menerima sejumlah 438 aduan awam bagi tempoh Januari hingga April tahun 2016 ini. Pihak SKMM telah mengumpul maklumat yang diterima daripada aduan awam tersebut, mengenal pasti nombor-nombor telefon yang berkaitan untuk sekatan dan turut memanjangkan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk siasatan lanjut pihak PDRM.

Selain daripada aduan awam, kementerian melalui SKMM juga turut mengambil langkah positif dengan mengarahkan syarikat-syarikat telekomunikasi untuk mengesan dan menamatkan nombor-nombor yang didapati menyebarkan SMS berunsur perjudian. Sehingga kini sebanyak 12,449 nombor telah ditamatkan perkhidmatannya sejak bulan Januari hingga April tahun 2016. Selain itu syarikat telekomunikasi juga turut memberikan kerjasama dengan menyediakan sistem tapisan yang membendung penghantaran SMS yang mempromosikan aktiviti perjudian dalam talian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memudahkan penggunaan untuk melaporkan isu-isu berkaitan kegiatan promosi perjudian dalam talian melalui SMS, pihak SKMM telah menyediakan perkhidmatan aduan secara terus oleh pengguna melalui nombor telefon khusus 016-2206262. Pengguna boleh memajukan SMS, promosi perjudian dalam talian yang diterima secara terus ke nombor telefon tersebut tanpa perlu lagi hadir ke SKMM atau tanpa perlu melaporkan melalui e-mel.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga kementerian ini dan SKMM adalah turut terlibat dalam Jawatankuasa Kerja Pindaan Akta Aktiviti Gaming sedia ada di bawah kawalan Kementerian Kewangan. Input KKMM dan SKMM telah diberi semasa mesyuarat untuk pindaan kepada Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [*Akta 289*].

Dalam konteks ini Ahli Yang Berhormat sudah sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri pada 21 Mac 2016 di Dewan Rakyat telah menyentuh tentang isu perjudian dalam talian ini dan peranan setiap kementerian dan agensi dengan panjang lebar serta persetujuan beliau untuk supaya dibentuk satu Caucus Parlimen bagi menanganinya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat Bakri kerana menanyakan mengenai persoalan ini. Saya harap jawapan saya ini dapat menjelaskan persoalan Yang Berhormat tersebut. Kementerian dari semasa ke semasa akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi menambah baik perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian. Terima kasih.

Status Projek Penambahbaikan Taman Bukit Kiara

2.43 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kawasan lapang dan taman bagi penduduk di Kuala Lumpur untuk bersenam telah semakin berkurangan. Salah satu taman yang amat disukai oleh pelari dan orang yang bersenam ialah Taman Bukit Kiara di Taman Tun Dr. Ismail di Kuala Lumpur. Saya selalu bersenam di Taman Bukit Kiara. Saya mengalu-alukan taman ini diletakkan di bawah pengurusan dan penyelenggaraan Jabatan Landskap Negara.

Saya juga mengalu-alukan usaha Jabatan Landskap Negara untuk menaik taraf jalan dan pelengkapan di taman ini sejak akhir tahun depan. Akan tetapi ramai pelari dan saya rasa amat kesal atas kerja naik taraf taman ini kerana ia tidak mengikut jadual yang dipaparkan di taman tersebut. Mengikut jadual penaiktarafan yang dipaparkan di taman tersebut, kesemua kerja naik taraf jalan akan siap pada 31 Mac 2016. Akan tetapi sehingga hari ini kerja pengetaran jalan dan pembuatan parit kelihatan dihentikan. Jalan yang telah dikorek di taman ini menjadi lebih rosak dan penuh dengan abu dan habuk.

Saya ingin tanya apakah sebab kerja penaiktarafan ini berhenti dan dilewatkan? Apakah ini disebabkan Jabatan Landskap Negara gagal bayar kontraktor atau pegawai kurang melakukan pemantauan ke atas projek ini. Kami cuba menghubungi nombor telefon Jabatan Landskap Negara yang dipaparkan di pintu masuk taman iaitu 03-40470000, nombor itu tidak dapat dihubungi. Saya ingin minta kementerian memberi maklumat tentang keseluruhan projek ini dan juga kos yang terlibat.

Apakah projek penaiktarafan ini akan membina tandas bagi pelari dan pesenam? Apakah projek ini termasuk pembesaran jalan masuk ke taman ini yang sempit di Changkat Abang Haji Openg yang selalu digunakan sebagai tempat letak kereta bagi pengguna taman.

Selain itu ramai ahli Bukit Kiara Equestrian Club yang selalu masuk ke taman melalui pintu kecil di belakang kelab itu amat berharap Jabatan Landskap Negara boleh melewati waktu penutupan pintu kecil itu daripada pukul 7 malam ke 8.30 malam supaya mereka yang bekerja boleh bersenam lebih lama di taman tersebut. Akhirnya apakah tarikh baru penyiapan projek penambahbaikan taman ini? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, minta Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjawab. Sila.

2.46 ptg.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mikrofon ini bagus Tuan Yang di-Pertua kalau yang di sana itu kena tunduk [*Ketawa*] Ini sampai ngam-ngam dekat mulut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bagi yang baru ini agak panjang sedikit ya [*Ketawa*]

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ya, ya. Nampak macam terlebih panjang sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak di atas keprihatinan Yang Berhormat daripada kawasan Seputeh. Kalau Yang Berhormat di kawasan Seputeh tidak bangkitkan usul ini Tuan Yang di-Pertua, harus saya tidak ada dalam bilik ini pada hari ini [*Ketawa*] Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat Seputeh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Seputeh Taman Persekutuan Bukit Kiara ini, lepas ini saya akan sebut sebagai Taman Persekutuan Bukit Kiara (TPBK). Taman Persekutuan Bukit Kiara ini Tuan Yang di-Pertua ia merupakan Taman Persekutuan yang pertama, *the one and only in Malaysia*. Dia adalah Taman Persekutuan yang pertama, *the one and only in Malaysia* dan dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara.

Taman ini Tuan Yang di-Pertua dibangunkan dia menyediakan pelbagai kemudahan Yang Berhormat. Kemudahan rekreasi dia juga merupakan muzium hidup pokok-pokok hidup ataupun *arboretum*. Dia menjadi tempat di mana koleksi pokok-pokok dan sebagainya yang ditanam mengikut kepada reka bentuk seni bina landskap berasaskan kepada hutan semula jadi.

Jadi Taman Persekutuan Bukit Kiara ini Yang Berhormat Seputeh dia lebih daripada satu kawasan tanah lapang untuk berlari. Dia lebih daripada satu kawasan tanah lapang untuk bersenam, dia adalah konsep *park and arboretum* maknanya konsep *park, park for all*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Park* untuk ada beberapa *zoning* yang kita sudah buat. *Park* untuk keluarga, *park* untuk orang muda dan sebagainya. Dia lebih daripada apa yang kita sangkakan seperti apa yang dilihat oleh Yang Berhormat daripada kawasan Seputeh.

Tuan Yang di-Pertua, apabila siap kelak taman ini akan dapat memberikan manfaat bukan sahaja kepada Seputeh tetapi kepada semua rakyat jelata yang ada. Ini kerana apa Tuan Yang di-Pertua sekarang ini kalau kita hendak cari taman-taman dalam kawasan bandar yang besar Tuan Yang di-Pertua seperti yang ada di Bukit Kiara sudah tidak ada lagi. Ini adalah satu-satunya taman besar yang berkeluasan 380 ekar. Satu-satunya taman yang terbesar maka kerana itu pihak kementerian ambil untuk dijadikan sebagai Taman Persekutuan. Dia akan memberikan manfaat orang beriadah, berekreasi dan dia akan menjadi hutan pembelajaran, penyelidikan dan juga akan berfungsi sebagai *green lung* bagi kawasan persekitaran yang ada dalamawasannya.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan ini seluas 380 ekar, sedang dibangunkan secara berperingkat Yang Berhormat. Sebanyak 380 ekar dia tidak boleh- oleh kerana dia akan menjadi *park and arboretum* dia tidak boleh dibangunkan dengan sekali rap. Dia bukan *mixed development* ataupun pemajuan mana-mana kawasan yang boleh dibangunkan oleh pemaju. Dia bersifat *park and arboretum*. Jadi maka kerana itu dan taman ini adalah taman yang sentiasa digunakan. Dalam pada kita menaik taraf taman ini Tuan Yang di-Pertua, taman ini masih lagi digunakan oleh orang ramai dalam pada pihak Jabatan Landskap Negara sedang terus berusaha untuk membangunkan taman ini.

Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat, ia bekas tanah ladang, Yang Berhormat pun tahu, dengan bentuk muka bumi yang bercerun tinggi dan sebagainya, 60% berada di tahap kecerunan yang melebihi daripada 25 darjah. Maka kerana itu mungkin Yang Berhormat Seputeh agaknya jogging dekat bawah sahaja, tidak naik sampai atas, dia tidak pergi ke tempat *bicycle track* yang ada semua kemudahan di dalam itu.

■1450

Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan keadaan yang tersebut, Jabatan Landskap Negara melaksanakan pembangunan secara berperingkat berdasarkan kepada kedudukan muka bumi taman yang berkenaan tanpa menghalang akses untuk kemudahan penduduk untuk terus berekreasi. Maknanya dalam pada pembangunan berjalan, penduduk masih lagi boleh gunakan taman itu.

Jabatan Landskap Negara Tuan Yang di-Pertua, dengan kerjasama dari Jabatan kerja Raya sedang melaksanakan kerja-kerja turap semula, jalan masuk Yang Berhormat, membina semula 6 kilometer jalan servis yang integrasikan laluan berjoging, yang tempat Yang Berhormat berjoging itu. Komponen pembangunan naik taraf ini dia juga merangkumi kerja-kerja sivil seperti pembaikan cerun-cerun. Dengan keadaan hujan dan sebagainya, ada cerun yang jatuh, rosak. Jadi pembaikan cerun-cerun, kerja-kerja memperbaiki sistem saluran, pemasangan kabel untuk penggantian lampu dan juga pemasangan bekalan air untuk tujuan *hydrant* sekiranya berlaku kebakaran dan sebagainya.

Memandangkan kawasan ini Tuan Yang di-Pertua, boleh digunakan oleh orang ramai termasuklah oleh Yang Berhormat Seputeh, semasa kerja-kerja tapak berlangsung, maka kerana itulah Yang Berhormat, penutupan secara berperingkat terpaksa dilaksanakan di mana tarikh yang Yang Berhormat tengok dekat papan itu dia tercatat, di papan tanda itu tercatat 31 Mac 2016. Betul? Ya, itu adalah tarikh, merupakan tarikh akhir penutupan bagi zon Fasa 1A, sub Zon 2 yang terlibat dan bukannya tarikh siap kepada Taman Persekutuan Bukit Kiara seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat balik petang nanti, Yang Berhormat jogging, Yang Berhormat tengok balik ya papan tanda yang ada itu.

Tuan Yang di-Pertua, kos keseluruhan bagi cadangan naik taraf, ini soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh juga dan menurap Jalan Taman Persekutuan Bukit Kiara. Fasa 1A Yang Berhormat, adalah berjumlah RM9.23 juta. RM9.23 juta, *to be exact* RM9,275,313. Itu ialah kos untuk kita laksanakan Fasa 1. Tarikh sebenar siap bagi kerja-kerja menaik taraf jalan dan juga segala infrastruktur yang ada adalah pada bulan Julai, *insya-Allah*. Bulan Julai, raya, selepas raya Yang Berhormat, 2016 seperti mana yang tertera kepada papan tanda projek.

Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, kemajuan kerja-kerja di tapak adalah mendahului jadual Yang Berhormat, bukan lewat. Mendahului jadual *by* 1.03%. Tidak nampaklah, tetapi telah mendahului jadual. Berhubung dengan keperluan membina tandas, jalan masuk di Changkat Abang Haji Openg dan keperluan-keperluan lain, ia akan diambil kira Tuan Yang di-Pertua dalam fasa seterusnya bagi kemudahan pengunjung.

Berhubung dengan jadual waktu penutupan pagar melalui Kelab Equestrian Bukit Kiara ini, jabatan menetapkan supaya ia ditutup jam 7 malam Yang Berhormat, setelah mengambil kira faktor keselamatan pengunjung. Kerana apa Tuan Yang di-Pertua, saya sudah pergi ke Taman Persekutuan Bukit Kiara ini sudah banyak kali Yang Berhormat. *I know the site because I have been there*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya tahu. Ada juga masalah pendatang-pendatang asing yang masuk, yang mengambil kesempatan ke atas pokok-pokok getah tua yang ada Tuan Yang di-Pertua. Mereka masuk untuk toreh getah dan sebagainya. Pihak Imigresen bekerjasama dengan Jabatan Landskap Negara untuk menyelesaikan isu-isu. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, getah tua banyak susu lagi?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ada lagi susu Tuan Yang di-Pertua, ada [*Ketawa*] Mana yang sudah tua tidak boleh toreh itu tidak ada apa, tetapi ada lagi pokok-pokok yang masih boleh menghasilkan susu.

Jadi oleh sebab itu Yang Berhormat, maka untuk keselamatan pengunjung termasuklah keselamatan Yang Berhormat, Yang Berhormat ini Ahli Parlimen, kalau apa-apa berlaku, esok pilihan raya sudah tentu BN menang ya [*Ketawa*] Jadi maka kerana itu, biarlah ia tutup ikut kepada masa yang dicadangkan iaitu pukul 7 malam. Pukul 8.30 malam sudah terlalu gelap Yang Berhormat, *you cannot see anything there and it's not good for your security when you are there ya...* [*Disampuk*] Cannot Yang Berhormat, ambil kira keselamatan. Ya, ambil kira. Saya ini menjaga keselamatan Yang Berhormat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan meneruskan pembangunan Taman Persekutuan ini secara berperingkat, saya sudah sebut. Pemantauan kerja di tapak dilaksanakan oleh pegawai Jabatan Landskap Negara. Setiap hari *they are there*. Kami akan menetapkan tempoh pembangunan selama lima tahun termasuk tempoh penanaman gantikan pokok getah tua yang Tuan Yang di-Pertua tanya tadi dengan spesies pokok berkayu sesuai dengan konsep pembangunan sebagai *park and arboretum*.

Berkeenan dengan talian am, baru pertama kali cuba sudah kata tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. *Try* banyak kali. *Try* masa jogging sahaja, *try*. Akan tetapi memang betul, buat masa ini nombor itu tidak berfungsi ya *[Kamar Khas riuh]*

Jadi, Jabatan Landskap Negara yang Yang Berhormat gagal hubungi itu kerana berlaku kerosakan pada peralatan PABXnya. Jadi sekarang pihak kementerian sedang uruskan untuk baiki peralatan PABX itu Tuan Yang di-Pertua. Sementara itu Yang Berhormat, jangan tunggu guna telefon sahaja. Ada ditulis di situ bukan sahaja talian nombor telefon, termasuklah laman web Jabatan Landskap Negara di jln.kpkt.gov.my ataupun boleh hantar *email* terus kepada kpjln@kpkt.gov.my. Jadi *you got other means, madam. Not only the* nombor telefon, *but you can email and you also can go to the website*. Dalam *website*, *you can see the progress of the project*. Jadi maklumat-maklumat ini kita masukkan sebagai kandungan di dalam laman *website* saya.

Jadi saya harap dengan penjelasan saya ini Tuan Yang di-Pertua, diharap Yang Berhormat Seputeh faham dan kenapa Taman Persekutuan ini penting, kerana *it is the one and only*. Kenapa perancangan diambil masa lima tahun, kerana ia merangkumi kepelbagaian kemudahan yang ada. Saya harap Yang Berhormat Seputeh setuju dan terima dengan hati yang ikhlas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Mana boleh celah, usul *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak boleh. Ini ucapan penangguhan ya.

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Rabu, 18 Mei 2016. Sekian, terima kasih.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.56 petang]